

Sebelas Aspirasi Digariskan dalam Naratif Naib Canselor 2022

Oleh: Azman Zakaria



SERDANG, 11 Feb: Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman menggariskan 11 aspirasi dalam Naratif Naib Canselor 2022 dan meminta semua warga UPM menghayati serta melaksanakannya, dan berharap tahun 2022 akan dilalui dengan semangat lebih membara dan bingkis mendepani cabaran dengan keberanian.

Aspirasi itu ialah Menakhoda Pertanian dan Pusat Rujukan Pengembangan, Melahirkan Pelajar Sebagai Sosok Warganegara Yang Baik, Merealisasikan Kampus Pintar, Memartabatkan Penyelidikan Untuk Negara, Menjuarai Misi Universiti Untuk Masyarakat, Merancang UPM Global, Mengekalkan Reputasi UPM Sebagai Universiti Paling Lestari, Memugar Cakna Menjangkau Bakti, Memperhebat Prakarsa Kesejahteraan Kampus, Membimbing Pandanaan Universiti, dan Melibatsama Alumni Untuk Kelangsungan Universiti.

Katanya, Naratif Naib Canselor tahun ini yang merupakan kesinambungan daripada naratif tahun lalu yang menyeru warga UPM mengema seruan al-Falah dari menara ilmu, perlu direalisasikan ke dalam bentuk tindakan dan pelaksanaan pada tahun ini.

"Saya menyeru warga UPM untuk bersama 'Sederap Melangkah Menuju al-Falah.' Ayuhlah kita bersama menyinsing lengan menunaikan harapan masyarakat yang disandang di bahu kita," katanya ketika berucap pada majlis Naratif Naib Canselor 2022 di sini.

Beliau berkata, pada tahun ini UPM akan memberi fokus kepada program-program yang dirancang oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang menyokong pencapaian sasaran Pelan Strategik UPM 2021-2025, khususnya aspek pertanian berteknologi tinggi, pendigitalan kampus pintar serta program yang menyumbang kepada kelestarian institusi mapan.

Prof. Dr. Mohd Roslan berkata, aspirasi Menakhoda Pertanian dan Pusat Rujukan Pengembangan, adalah termasuk Pelaksanaan Mekanisasi Pertanian dan Aplikasi Pendekatan Pintar terhadap Teknologi Pertanian Persis Menggunakan Dron untuk Input Pertanian (racun perosak, baja atau benih), serta Pembangunan Aplikasi Mudah Alih untuk Pengurusan Padi dengan Menggunakan Peta Normalized Vegetation Index (NDVI).

Melalui aspirasi Melahirkan Pelajar Sebagai Sosok Warganegara Yang Baik pula, UPM akan berusaha memantapkan literasi politik dalam kalangan pelajar melalui pelbagai kaedah dan pendekatan, antaranya memberi penekanan kepada pembentukan nilai bersama dalam kebebasan berpolitik pelajar berdasarkan nilai teras universiti.

Aspirasi Merealisasikan Kampus Pintar, pula adalah untuk memperkasa pendigitalan kampus kerana ia adalah sistem sokongan terbaik untuk UPM lebih berkembanga sebagai organisasi. Prof. Dr. Mohd Roslan turut melancarkan aplikasi Mobile Apps Smart Putra@Staf yang dibangunkan Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (IDEC).

Aspirasi Memartabatkan Penyelidikan Untuk Negara, antara lain akan memperkenalkan ciri keusahawanan kepada penyelidik di UPM agar dapat memberi tumpuan penuh kepada pengurusan start-up yang didaftra sebagai sumber pendapatan universiti, dalam usaha memperkasakan pengkomersialan dan inovasi UPM.

Aspirasi Menjuarai Misi Universiti Untuk Masyarakat, pula adalah untuk terus memperkukuh jaringan industri dan masyarakat, termasuk perbincangan bagi penubuhan Majlis Penasihat Industri Universiti. Majlis itu berperanan membantu UPM menghasilkan graduan holistik yang dapat memenuhi permintaan pasaran secara strategik, pendanaan melalui wakaf ilmu (endowment), peralatan kajian dan geran penyelidikan serta kerjasama strategik bagi pemindahan ilmu kepakaran UPM.

Aspirasi Merancang UPM Global, pula antara lain akan memantapkan pengurusan MoU/MoA serta menyahut agenda Melagang Kampus Pintar dan Pendigitalan melalui e-Sistem Pengurusan MoU/MoA Universiti untuk membantu melancarkan proses permohonan kelulusan MoU/MoA/Perjanjian daripada PTJ serta pemantauan proses kelulusan oleh Urusertia, dan pengumpulan data aktiviti yang dijalankan bersama rakan MoU/MoA.

Aspirasi Mengekalkan Reputasi UPM Sebagai Universiti Paling Lestari, pula mengkehendaki usaha kelestarian diteruskan dari semasa ke semasa. UPM bakal memiliki sistem solar fotovoltaik (PV) dengan kapasiti 16.18 MWp, sekali gus mampu menjimatkan RM114 juta bil elektrik universiti dalam tempoh 25 tahun.

Aspirasi Memugar Cakna Menjangkau Bakti, pula memperkukuh gerak kerja misi kemanusiaan termasuk penubuhan Jawatankuasa Sukarelawan staf UPM atau Sukarelawan Putra Bakti yang akan memberi nilai tambah kepada universiti dan staf dalam memberi khidmat kepada komuniti serta meningkatkan visibiliti UPM sebagai antara universiti yang terkehadapan dalam kesukarelawan.

Aspirasi Memperhebat Prakarsa Kesejahteraan Kampus, pula menekankan aspek kesejahteraan warga UPM termasuk persekitaran kerja yang kondusif, manakala PTJ perlu menyediakan ruang untuk aktiviti riadah dan bersukan bagi pumbudayaan gaya hidup sihat dan cergas. Sehubungan itu program riadah berbasikal Warga UPM sekitar kampus bersama Naib Canselor akan diadakan setiap petang Rabu bermula Mac 2022.



LIHAT JUGA



INSPeM sambut ulang tahun ke-20 penubuhan di UPM (/berita /inspem_sambut_ulang_tahun_ke_20_penubuhan_di_upm-66234)



Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia UPM anjur bengkel menggubal dasar 'National Transfer Account' bersama Kementerian Kewangan dan PBB (/berita /institut_penyelidikan_penuaan_malaysia_upm_anjur_bengkel_menggubal_dasar_national_transfer_accou nt_bersama_kementerian_kewangan_dan_pbb-66233)



Pusat Rawatan Kecil (PRK) Darussyifa' Masjid UPM dirasmikan (/berita /pusat_rawatan_kecil_prk_darussyifa_masjid_upm_dirasmikan-66125)



Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
☎ +603-9769 1000
✉ ---
📧 pspk@upm.edu.my (mailto:pspk@upm.edu.my)



Aspirasi Membungkus Pendanaan Universiti, pula adalah memperkasakan kelestarian UPM melalui usaha pendanaan yang strategik dan berimpak tinggi. Dalam hal ini UPM akan memulakan projek Medical City meliputi kawasan seluas 86 ekar di sempadan UPM sebagai satu perkembangan perubatan yang signifikan. Projek selama 37 tahun dengan anggaran pendapatan 75 juta itu akan menjadi milik UPM sepenuhnya selepas tempoh kontrak tamat.

Aspirasi Melibat Sama Alumni Untuk Kelangsungan Universiti, pula menyantuni semangat berbakti alumni dan sifat dermawan alumni untuk menyumbang kembali kepada universiti menerusi sumbangan penajaan biasiswa dan bantuan kewangan kepada pelajar. - UPM

Tarikh Input: 15/02/2022 | Kemaskini: 21/02/2022 | hairul_nizam

PERKONGSIAN MEDIA

(https://www.addtoany.com/share?url=https%3A%2F%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2Fsebelas_aspirasi_digariskan_dalam_naratif_naib_canselor_2022-65383&title=Sebelas%20Aspirasi%20Digariskan%20dalam%20Naratif%20Naib%20Canselor%202022%20%7C%20Universiti%20Putra%20Malaysia)

([Facebook](#)) ([Twitter](#)) ([LinkedIn](#)) ([Email](#)) ([Copy Link](#)) ([WordPress](#))

([Print](#))

HUBUNG KAMI

Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

+603-9769 1000

pspk@upm.edu.my

TALIAN KECEMASAN
BAHAGIAN KESELAMATAN UPM (24 JAM)
03-9769 7990 | 03-9769 7470 |
03-9769 1999

PERKHIDMATAN DALAM TALIAN

Sistem Perumahan ke Luar Negara
(<http://bursar1.upm.edu.my/hspn/>)

Sistem Ilmu Sumber Manusia (SISMAN)
(<http://www.sisman.upm.edu.my/>)

KM Portal (<http://km.upm.edu.my/kmportalweb/portal/render.action?method=home>)

Jawatan Kosong (<http://hspj.upm.edu.my/>)

Sistem Bank Pulis ICT (<http://banic1.upm.edu.my/>)

Putra Learning Hub (<http://learninghub.upm.edu.my/>)

Sistem Pengurusan Perubatan
(<http://regmedic.upm.edu.my/>)

Sistem E-Claim (<http://eclaims.upm.edu.my/login/>)

i-GIMS (ataf) (<http://www.sps.upm.edu.my/8080/igims/index.jsp>)

i-GIMS (pelajar pascasiswazah)
(<http://sgspportal.upm.edu.my/8080/sgspportal/>)

Sistem Maklumat Pelajar (pelajar pascasiswazah)
(<http://smp.upm.edu.my/smp/action/security/loginSmpSetup>)

PAUTAN LUAR

Kementerian Pendidikan Malaysia
(<https://www.moe.gov.my/>)

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
(<http://www.ptptn.gov.my/>)

Multimedia Super Corridor (<https://mdc.my/msc-malaysia/>)

Portal myGovernment (<https://www.malaysia.gov.my/>)

Ajensi Kelayakan Malaysia (<https://www.mqa.gov.my/>)

PAUTAN PANTAS

FAKULTI / PTJ / PENTAQBIRAN (Entiti)

Statistik Transaksi Laman Web (<http://www.upm.edu.my/statistik>)

Tender & Kontrak (<http://etender.upm.edu.my/>)

Laporan Program Pelanggan (http://www.upm.edu.my/mengenal_kami/maklumat_korporat/piagam_pelanggan-8202)

Dasar UPM (http://www.pnc.upm.edu.my/mengenal_kami/dasar_universiti-5601)

Sistem Pengurusan ISO (http://reg.upm.edu.my/hpk_upm/)

Dana Wakaf Ilmu (<http://www.wazan.upm.edu.my/>)

Penerbitan UPM (http://www.upm.edu.my/kandungan/Penerbitan_UPM-c8859)

Takwim UPM 2021 (https://www.upm.edu.my/upload/dokumen/20210421082600TAKWIM_UPM_2021_20.1.2021.pdf)

UPM Flywire (<https://landing-pages.flywire.com/landing-upm>)



Dasar Privasi ([footnote/dasar_privasi-29949](#)) Hakcipta ([footnote/hakcipta-29950](#)) RSS ([/rss](#)) Penafian ([footnote/penafian-29938](#)) Bantuan ([footnote/bantuan-29937](#)) UPM online ([footnote/upm_online-38695](#)) © 2022 Universiti Putra Malaysia

LANGGAN MELALUI EMAIL

